

Headline	9 IPT mohon diiktiraf
Date	08. Jul 2008
Media Title	Harian Metro
Section	Setempat
Circulation	336603
Readership	2192000
Language	MALAY
Page No	16
Article Size	63 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



9 IPT mohon diiktiraf

Keputusan pemilihan sebagai Universiti Apex diketahui selewatnya-lewatnya bulan depan

>>Oleh Efendi Badarudin
efendi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sembilan universiti termasuk tujuh institusi pengajian tinggi awam dan dua swasta, memohon untuk dipilih serta diiktiraf sebagai Universiti Apex iaitu universiti yang akan menjadi penanda aras peringkat dunia melalui Program Kecemerlangan Pengajian Tinggi (Apex).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata keputusan mengenai universiti mana yang dipilih akan diketahui selewat-lewatnya Ogos ini selepas perkara mengenai pemilihan universiti berkenaan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet.

Menurutnya, sembilan universiti itu termasuk empat universiti penyelidikan yang

memohon pengiktirafan sebagai Universiti Apex ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Tenaga Nasional (Unitec), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Katanya, penubuhan Universiti Apex dicadangkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Dalam pelan itu, ia membahagikan universiti kepada tiga kumpulan iaitu Universiti Apex, Universiti Elit dan Universiti Kompetitif.

"Saya akan bentangkan ke Kabinet tidak lama lagi dan pengumuman akan dibuat berdasarkan keputusan Kabinet. Saya berharap sebelum akhir Ogos ini, kita akan tahu universiti yang akan dipilih untuk program kecemerlangan Universiti Apex," katanya kepada pemberita se-

lepas merasmikan Mesyuarat Meja Bulat Agensi Jaminan Kualiti Asean di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Tan Sri Rais Abdul Karim; Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Datuk Dr Syed Ahmad Hussein dan Pengarah Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara dan Pusat Serantau untuk Pengajian Tinggi (Seameo-Rihed), Prof Dr Supachai Yavaprabhas.

Melalui PSPTN, Universiti Apex dijanjikan autonomi dari segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, kepemimpinan tertinggi dan penetapan yuran pengajian.

Kebebasan juga diberikan kepada Universiti Apex untuk mengambil lebih ramai pensyarah dan pelajar asing bagi membolehkan ia melahirkan penyelidik bertaraf Nobel Laureate.

Universiti itu turut boleh menawarkan syarat perkhidmatan dan gaji yang lebih



MESRA...Mohamed Khaled (kiri) bersalaman dengan peserta mesyuarat, semalam.

baik kepada pensyarah dari luar negara supaya ia menjadi lebih kompetitif meskipun ia kekal tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Sementara itu ketika mengulas mengenai Seameo-Rihed, Mohamed Khaled berbincang, kementerian berharap agensi jaminan kualiti pengajian di negara Asean dapat menubuhkan Rangkaian Jaminan Kualiti bersepadan

dengan mencontohi Perubahan Jaminan Kualiti untuk Pengajian Tinggi Eropah (ENQA) bagi faedah Asean dan negara lain.

Beliau berkata, penubuhan rangkaian serantau seumpama itu di kalangan agensi negara Asean penting sebagaimana inisiatif bagi meningkatkan kualiti di peringkat institusi pengajian tinggi meliputi promosi rangka kerja kelayakan yang harmoni.